

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN  
MOHD. TAHIR (TEMERLOH)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan tindakan penambah baik ke atas garis panduan atau mekanisme bagi mengemaskinikan data cerun dan Peta Bahaya dan Risiko Cerun (PBRC) yang pernah diulas dalam Laporan Ketua Audit Negara supaya cerun-cerun jalan sentiasa dalam keadaan selamat dan tidak berbahaya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah melaksanakan pengumpulan data cerun secara *airborne* LiDAR untuk cerun-cerun di sepanjang Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia pada tahun 2019 dengan kos sebanyak RM67 juta dan sebanyak 26,791 bilangan cerun telah dicerap dan diinventori. Analisa statistik secara kuantitatif telah dilaksanakan untuk menghasilkan Peta Bahaya dan Risiko Cerun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, *Standard Operating Procedure* atau SOP Pengurusan Cerun yang meliputi Prosedur Pengemaskinian Data Cerun, Perancangan dan Kewangan, Pemeriksaan Penyenggaraan Rutin Cerun, Pengeluaran Arahan Kerja serta Kerja Pembaikan dan Pencegahan Cerun Runtuh telah dibangunkan oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR yang kini dalam proses semakan akhir sebagai tindakan penambahbaikan kepada garis panduan sedia ada di mana SOP Pengurusan Cerun ini lebih terperinci dan menyeluruh. Antara penambahbaikan yang ditekankan adalah seperti berikut:

- 1) Penyediaan kelengkapan keselamatan;
- 2) Perkakasan yang diperlukan
- 3) Rujukan dokumen
- 4) Borang-borang yang digunakan
- 5) Proses kerja dan tanggungjawab, dan
- 6) Rekod kualiti

Prosedur Pengemaskinian Data Cerun menggariskan panduan untuk merancang kerja-kerja pengemaskinian data cerun dan seterusnya mengemaskini Peta Bahaya dan Risiko Cerun. Kekserapan pengemaskinian data dijadual berdasarkan tahap bahaya dan risiko sesebuah cerun tanah dan batuan (*soil and rock slopes*) di mana bagi

cerun berisiko tinggi (*Medium to Very High Risk*), kekerapan pengemaskinian adalah setiap 5 hingga 7 tahun, manakala bagi cerun berisiko rendah (*Very Low to Low Risk*) adalah setiap 10 hingga 13 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya kini sedang dalam proses persediaan program pengumpulan data cerun di sepanjang Jalan Negeri di Semenanjung Malaysia sebagai penambahan inventori data tertakluk kelulusan Agensi Pusat. Kementerian Kerja Raya sentiasa komited dalam melaksanakan program penyenggaraan dan pembaikan cerun bagi memastikan semua cerun-cerun dan pengguna jalan raya sentiasa berada dalam keadaan selamat.

Sekian, terima kasih.